

RINGKAS**Harga makanan warung cekik darah**

Sabak Bernam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima aduan tertinggi berkaitan kenaikan harga makanan di restoran dan warung sepanjang tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, aduan itu paling banyak direkodkan berbanding aduan lain membabitkan isu kepenggunaan.

"Ia menunjukkan rakyat Malaysia yang makan di luar terpaksa membayar dengan harga yang tinggi," katanya.

Beliau ditemui pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja di beberapa jeti nelayan di daerah ini di sini, semalam.

Sementara itu, ketika diminta mengulas kemungkinan berlaku kenaikan harga ikan pada musim tengkujuh, Saifuddin berkata, setakat ini, tiada aduan ketara berhubung perkara itu.

"Soal harga adalah aspek hakiki kementerian dan kementerian bertindak melalui dua cara iaitu pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala," katanya.

